

22/05/2003

Syor kaji kesan projek pembangunan dari aspek sosial

Tan Sri Lee Lam Thye

PERDANA Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menyatakan dengan tepat sekali bahawa perpaduan adalah hadiah tidak ternilai harganya yang perlu dikekalkan oleh semua rakyat dalam masyarakat majmuk seperti Malaysia.

Setiap rakyat Malaysia yang cintakan keamanan mestilah memberikan komitmen sepenuhnya terhadap keharmonian dan perpaduan. Usaha bersungguh-

sungguh perlu dilakukan untuk memupuk budaya yang membawa keamanan, keharmonian dan perpaduan.

Perpaduan dan keharmonian adalah perkara yang amat diperlukan di serata

dunia dan Malaysia tidak terkecuali.

Untuk memastikan keharmonian dan perpaduan di Malaysia, kita harus mewujudkan lebih banyak kegiatan yang membabitkan semua kaum di peringkat

akar umbi.

Banyak yang diperkatakan mengenai perpaduan nasional, tetapi masih banyak yang perlu dilakukan untuk meningkat, mengekal dan menggalakkan perhubungan erat di antara rakyat Malaysia berbilang kaum. Ia adalah proses berterusan dan perlu diberikan keutamaan yang paling tinggi.

Usaha memupuk perpaduan seharusnya bermula dari peringkat persekolahan iaitu dari tadika ke sekolah rendah, menengah dan seterusnya ke pusat pengajian tinggi, di mana usaha boleh dilakukan untuk menerapkan nilai harmoni dan perpaduan.

Memupuk perpaduan juga perlu dimulakan di kalangan jiran kerana di sinilah terletak kepelbagaian kaum dan nilai.

Kementerian Pendidikan perlu meningkat atau menambahkan skop mata pelajaran berkaitan dengan 'moral'. Ini boleh dilakukan dengan memasukkan

pengetahuan dan pelajaran mengenai perpaduan dan keharmonian kaum, di samping menerapkan nilai integrasi kaum di kalangan pelajar berbilang kaum.

Gesaan Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi kepada

semua rakyat Malaysia untuk berusaha dan membangunkan satu bangsa Malaysia

bersatu adalah sesuatu yang patut diusahakan walaupun ia bukan satu perkara mudah.

Semua rakyat Malaysia perlu menyingkirkan perasaan takut, syak wasangka

dan prejudis di antara satu sama lain demi kebaikan bersama.

Ini adalah soal sikap. Perpaduan datangnya dari dalam diri kita dan dari

hati kita. Perpaduan tidak dapat dicapai melalui paksaan atau perundangan.

Ia lahir secara sukarela.

Memandangkan minat baru yang ditunjukkan oleh kerajaan terhadap perbincangan mengenai perpaduan, saya ingin mengambil kesempatan ini meminta kerajaan supaya mengambil langkah memperkenalkan penilaian kesan

projek pembangunan dari aspek sosial dan perpaduan kaum. Ini seperti yang diperakukan oleh Majlis Perundingan Ekonomi Negara Kedua dalam laporannya kepada kerajaan.

Semua projek pembangunan perlu dikaji dengan teliti untuk memastikan ia mendatangkan faedah dalam merapatkan perpaduan kaum di kalangan rakyat.

Projek yang menjurus ke arah perpecahan kaum perlu disemak dan diperbaiki.

TAN SRI LEE LAM THYE,
Kuala Lumpur.